

KELENGKAPAN TAMBAHAN PADA SET GOLF

DISEDIAKAN OLEH

MUHAMMAD AZHAN BIN ANUAR

9813062

MOHD NUH BIN MISKAN

98144619

SANEE AHMED NAZEEH BIN MOHAMED SALIM

98144697

DIPLOMA KE JURUTERAAN MEKANIKAL
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

APRIL 2001

ISIKANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
1.0 Penghargaan	5
2.0 Pengenalan	8
2.1 Objektif	11
3.0 Konsep Asas	12
4.0 Rekabentuk	14
4.1 Objektif Rekabentuk	15
4.2 Falsafah Rekabentuk	15
4.3 Faktor- faktor yang dititik beratkan dalam rekabentuk	16
4.4 Konsep Rekabentuk	17
5.0 Pengembangan Idea	21
5.1 Analisa Pengembang Idea rekabentuk pertama	22
• Gambarajah idea pertama	24
5.2 Rekabentuk Kedua	25
• Gambarajah idea kedua	26
5.3 Rekabentuk Ketiga	27
• Gambarajah idea ketiga	28
6.0 Pemilihan Bahan	29
6.1 Konsep Pemilihan Bahan	30
6.2 Ciri -ciri Pemilihan Bahan	31
6.3 Senarai Komponen Yang diperlukan	32
7.0 Teori Pengiraan	33
7.1 Beban Pada Bol	34

7.2 Contoh Pengiraan	39
8.0 Fabrikasi	42
8.1 Proses Penyambungan Bolt dan Nut	43
8.2 Kimpalan	44
8.3 Proses Penebukan	48
9.1 Perbincangan	49
• Prose pembinaan rekabentuk	49
• Pengukuran besi keluli	49
• Pemotongan besi keluli	50
• Penggerudian besi keluli	51
• Penggambungan besi keluli dan engsel	51
• Penyambungan besi keluli dan kerusi	51
• Engsel di sambungkan pada tapak troli	51
• Pemasangan spring pengikat pada kerusi	51
• Pemeriksaan kelancaran operasi	51
9.2 Masaalah yang dihadapi dalam menyiapkan Projek	52
IO.OKosProjek	54
11.0 Cadangan	56
11.1 Cadangan memperbaiki rekabentuk	57
12.0 Kesimpulan	59
13.0 Rujukan	62
14.0 Lampiran	63

1.0 PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran Allah S.W.T kerana dengan berkat serta keizinannya dapatlah kami menyempurnakan laporan dan projek tahun akhir ini.

Sesungguhnya projek tahun akhir ini memberi satu gambaran yang jelas kepada apa yang di pelajari sepanjang tempoh pengajian disini dan juga menilai kebolehan melahirkan daya kreativiti dalam menghasilkan sesuatu benda baru yang memberi manfaat kepada kehidupan manusia.

Ucapan setinggi -tinggi terima kasih kami kepada Penasihat Projek Prof. Dr. Ir. Ow Chee Sheng yang telah memberi tunjuk ajar ,nasihat ,galakan serta idea-idea beliau sumbangkan dalam menjayakan projek akhir kami.

Tidak lupa kepada tenaga pengajar ,kakitangan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal yang telah banyak memberikan ilmu, tunjuk ajar, sokongan serta galakan bagi menyelesaikan masalah pengiraan dan hal -hal yang berkaitan bagi melicinkan lagi projek ini.

Tidak lupa juga kami merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah terlibat dalam menjayakan projek kani ini samaada secara langsung atau tidak langsung dari segi idea,data-data,kerjasama ,nasihat dan sebagainya.

2.0PENGENALAN

Sukan merupakan aktiviti riadah bagi mengisi masa lapang dan menyihatkat tubuh badan. Sukan golf, sememangnya sukan yang semakin hari semakin ramai yang ingin meceburinya. Malahan sukan ini semakin mendapat tempat dikalangan rakyat di negara ini. Ini dapat dilihat dengan jelas dengan pembangunan serta kewujudan kelab serta padang golf yang semakin bertambah di negara ini. Malahan padang golf yang terdapat di negara ini sering diadakan perlawanan bertaraf antarabangsa. Ini menunjukkan sukan ini semakin popular di negara ini

Kelengkapan serta alatan (aksesori) bagi sukan ini sememangnya cukup banyak boleh didapati di pasaran. Malah, reka bentuknya juga cukup menarik dan harganya juga berpatutan. Malahan juga, setiap hari pengeluar peralatan sukan ini cuba untuk menambah serta meningkatkan kesesuaian serta keupayaan produk mereka bagi memudahkan pengguna.

Berdasarkan kepada keperluan pengguna ini, kami telah cuba mengkaji serta menyelidik masalah yang timbul dalam sukan ini terutamanya pada kelengkapan sukan ini..

Dengan itu, kami mendapati adalah baik jika kerusi menjadi satu elemen yang sesuai dengan digabungkan dengan troli atau beg golf bagi memudahkan pemain duduk seketika semasa menunggu giliran. Sedia maklum permainan golf biasanya dimainkan lebih dari seorang pemain.